

18/02/1997

Bahang LTDL '97 kian terasa

Nasir Abd Wahab

BAHANG perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi (LTDL) '97 yang bermula di Kota Kinabalu esok sudah dirasai sejak semalam sebaik saja 23 daripada 25 pasukan tiba untuk mengambil bahagian dalam saingan 12 peringkat meliputi jarak 1,600km itu.

Dua pasukan lagi, Giant-AIS dari Australia dan Shauff Oschelbronn (Jerman) dijadualkan tiba hari ini.

Biarpun perlumbaan hanya bermula esok, ia secara rasmi akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pusat Perdagangan Sabah hari ini.

Kecekapan semua petugas LTDL '97 termasuk anggota polis trafik untuk memulakan kejohanan edisi kedua itu juga harus mengharumkan nama Malaysia, khususnya Sabah yang diberi pengiktirafan selaku tuan rumah paling berkesan untuk memulakan peringkat pertama ujian masa perseorangan biarpun jaraknya hanya 19.1km.

Selain keberanian penganjur LTDL '97 yang mengundang pasukan-pasukan terbaik dunia, matlamat utama untuk meningkatkan mutu lumba basikal negara sudahpun dicapai apabila pasukan Malaysia mulai yakin untuk menduduki 10 tempat teratas kali ini.

Semangat itu dilaungkan ketika enam pelumba, iaitu M Kumaresan, Nor Effandy Rosli, Tsen Seong Hoong, Suhaimi Keton, Azizan Manaf dan Wong Ah Thiam membaharui azam membaiki pencapaian di tangga ke-17 pada perlumbaan tahun lalu.

"Kita sudah menetapkan sasaran untuk membaiki pencapaian musim lalu. Pasukan Malaysia juga lebih bersedia kali ini dan memiliki banyak pengalaman hasil latihan tiga minggu di Australia baru-baru ini," kata jurulatih Malaysia, John Hardeker.

Malaysia juga membuat rombakan apabila menyenaraikan Wong Ah Thiam pada saat-saat akhir menggantikan Faizul Izuan Abd Rahman sambil mengharapkan salah seorang pelumba kebangsaan turut menempatkan diri antara 20 pelumba terbaik untuk memperbaiki kedudukan M Kumaresan di tangga ke-40 tahun lalu.

"Saya tidak boleh umumkan siapa pelumba itu tetapi saya yakin dia boleh melakukan banyak kejutan kali ini," kata Hardeker.

Meskipun kehadiran Mapei-GB dari Itali diramalkan memenangi setiap peringkat perlumbaan itu, pelumba Malaysia dan negara Asia lain, termasuk Kazakhstan, Jepun, China, Korea Selatan, Filipina dan Indonesia memiliki keazaman sama untuk sekurang-kurangnya merebut RM78,000 wang hadiah yang diperuntukan kepada pelumba dan pasukan terbaik di kalangan mereka.

Kewujudan dua kategori hadiah itu tentunya menaikkan semangat pelumba Asia, khususnya Malaysia, untuk merapatkan jurang dengan pencabar mereka dari negara Barat yang memiliki setiap kelebihan untuk meraih separuh daripada hadiah wang tunai RM1 juta yang menjadi rebutan.

Biarpun aksi sengit pastinya membabitkan pelumba Giant-AIS, Casino (Perancis), Mapei-GB (Itali), MG Technogym (Itali) dan Shchauff Oschlellbronn (Jerman), penampilan pencabar lain seperti Saturn (AS), Denmark, Tegeltoko (Belgium), Finland dan Post Swiss harus menambah kemeriahan kejohanan ketiga terbesar dunia selepas Tour de France dan Giro d'Italia itu.

(END)